

Malaysia, India kerjasama tumpaskan ekstremisme dan keganasan
Malaysian Insider
Nov 23, 2015

Malaysia dan India akan bekerjasama untuk menumpaskan ekstremisme dan keganasan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Dalam sidang akhbar bersama Perdana Menteri India Narendra Modi selepas mengadakan perbincangan 2 hala di Kuala Lumpur hari ini, Najib berkata Malaysia dan India berkongsi matlamat dalam memerangi ekstremisme dan keganasan.

"Kami menjangka untuk menangani keganasan dan bekerjasama rapat untuk menumpaskan ekstremisme dan keganasan," katanya.

Mengakui India mempunyai industri pertahanan yang sangat dinamik dan kuat, Najib berkata Kementerian berkaitan di Malaysia dan India akan membincangkan kemungkinan untuk mengembangkan hubungan bidang pertahanan dan keselamatan 2 hala.

Sementara itu, Modi berkata beliau amat menghargai kerjasama keselamatan dengan Malaysia kerana ia menggariskan komitmen bersama untuk menangani cabaran keselamatan.

Beliau berkata serangan di beberapa negara, selain cubaan serangan keganasan tanpa henti menentang India dan Afghanistan, merupakan 1 peringatan terhadap ancaman global. Begitupun, India dan Malaysia akan terus mengukuhkan kerjasama dalam bidang berkaitan.

"Perdana Menteri (Najib), anda memimpin ke arah memerangi ekstremism dan puak radikal, menolak sebarang kaitan antara keganasan dan agama sambil menekankan nilai sebenar Islam.

"Ini adalah sumbangan besar terhadap aspek penting ke arah usaha global kamimententang cabaran ini," kata Modi.

Modi berkata India dan Malaysia akan mengukuhkan kerjasama pertahanan, termasuk mempertingkatkan keselamatan maritim serta tindak balas terhadap bencana di rantau ini.

"Saya gembira kerana kami bersetuju untuk menaik taraf latihan bersama dan menubuhkan Forum SU-30.

"Kami akan melakukan lebih banyak dari segi kerumitan latihan dan kerjasama dalam latihan serta peralatan pertahanan," katanya.

Dalam 1 kenyataan bersama mengenai usaha mempertingkatkan Kerjasama Strategik Malaysia-India yang dikeluarkan sempena mesyuarat 2 hala berkenaan, Malaysia dan India bersetuju untuk terus berkongsi maklumat dan amalan terbaik

dalam menangani cabaran yang wujud akibat daripada keganasan dan ancaman tradisional dan bukan tradisional yang lain.

Kedua negara juga menegaskan yang Malaysia dan India berkongsi minat sama untuk bekerjasama demi keamanan, kemakmuran dan keselamatan rantau Asia Pasifik dan kawasan melampauinya.

Malaysia dan India juga menyambut baik hasil latihan bersama, Harimau Shakti dan untuk menaik taraf latihan ke peringkat syarikat serta seterusnya latihan untuk 3 perkhidmatan.

Malaysia dan India juga bersetuju untuk mewujudkan 1 mekanisme bagi perkongsian maklumat, termasuk bagi tujuan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) dan aktiviti perkapalan.

Kedua negara juga bersetuju untuk mewujudkan hubungan antara Pusat Pengaman Pertubuhan Bangsa Bersatu India (CUNPK) dan Pusat Pengaman Malaysia (MPC). – Bernama, 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-india-kerjasama-tumpaskan-ekstremisme-dan-keganasan>